ملتقى
سلطان شرف الدين إدريس شاه الثالث

KESULTANAN SELANGOR:
CABARAN DALAM MEMPERTAHANKAN ISLAM

Oleh :

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan
Ketua Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA:

Majlis Agama Islam Selangor

IKIM Hub

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MediaSelangor

KESULTANAN SELANGOR: CABARAN DALAM MEMPERTAHANKAN ISLAM

Prof. Madya Dr Abd Rauf Hassan (UPM)

Kertas kerja ini membincangkan peranan institusi Kesultanan Selangor sebagai tonggak dan benteng pertahanan utama dalam memelihara kesucian agama Islam serta kesejahteraan ummah. Bersandarkan kepada kerangka perlembagaan, doktrin Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan kesinambungan sejarah pemerintahan, kajian ini meneliti bagaimana kedudukan Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam yang berfungsi bukan sahaja sebagai simbol kedaulatan, malah sebagai peneraju eksekutif tertinggi hal ehwal Islam negeri. Perbincangan turut menyorot cabaran yang dihadapi merentasi garis masa, bermula daripada era penjajahan yang menghakis kuasa tradisi serta mengecilkan skop pelaksanaan syariat, sehinggalah cabaran kontemporari yang merangkumi pertikaian bidang kuasa perundangan sivil dan syariah, ancaman fahaman menyeleweng, penyalahgunaan isu 3R (Agama, Raja, Kaum), serta arus pluralisme dan liberalisme. Bagi mendepani cabaran ini, keberkesanan institusi pelaksana seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dinilai, khususnya melalui penguatkuasaan tauliah mengajar, pemerkasaan pendidikan Islam, dan pengukuhan sosioekonomi ummah berasaskan zakat serta wakaf. Kertas kerja ini menyimpulkan bahawa kedaulatan institusi beraja kekal relevan dan penting dalam landskap moden, seterusnya mengemukakan cadangan strategik meliputi pengukuhan undang-undang, pemantauan ancaman di ruang digital, dan pemantapan literasi perlembagaan dalam kalangan masyarakat bagi memastikan Islam terus terpelihara di Selangor.

Kata kunci: Kesultanan Selangor, Ketua Agama Islam, MAIS, JAIS, Perlembagaan, Ahli Sunnah Wal Jamaah, Undang-undang Syariah, Kedaulatan Raja.

KESULTANAN SELANGOR: CABARAN DALAM MEMPERTAHANKAN ISLAM

Prof. Madya Dr Abd Rauf Hassan (UPM)

1.0 KEDUDUKAN PERLEMBAGAAN DYMM SULTAN SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM

Sistem pemerintahan beraja melalui Kesultanan Raja-raja Melayu merupakan suatu sistem yang memiliki unsur-unsur tradisional dan unik dalam konteks sejarah Malaysia. Sistem ini berpusat pada institusi kesultanan iaitu seorang Sultan atau raja adalah pemimpin utama dalam sesebuah negeri. Kesultanan ini merupakan kesinambungan dari kerajaan-kerajaan Melayu tradisional yang telah ada sejak zaman dahulu. Pada zaman kesultanan Melayu tersebut, kuasa dan pemerintahan Sultan atau raja adalah cukup besar dan luas. Raja-raja Melayu tidak hanya memiliki kuasa berkaitan perkara-perkara berhubung Islam dan adat orang-orang Melayu, tetapi juga dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran negeri masing-masing (2023: *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management)*

Selepas Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, sistem raja-raja ini diteruskan dengan penyesuaian mengikut konsep raja berperlembagaan, yang berpandukan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kuasa raja-raja terus dikekalkan dengan ruang yang terhad, sebagaimana ketika zaman penjajahan Inggeris, dan berkait rapat dengan isu-isu agama. Dalam kerangka pemerintahan Malaysia yang beraja, raja-raja Melayu memainkan peranan penting dalam bidang agama Islam di peringkat negeri. Mereka bukan hanya sebagai ketua negara yang memegang tanggungjawab dalam aspek politik, tetapi juga berperanan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.

Manakala menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam Bab 1- Agama Negeri, menyatakan bahawa:

Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam yang dalam bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai*"Council of Religion of Islam"* untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama.

Dengan itu, berdasarkan undang-undang di negeri Selangor, peranan Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam di negeri tersebut membuktikan tanggungjawab Sultan dalam menjamin kesucian agama Islam dan menjaga kesejahteraan umat Islam di negeri Selangor. Ia jelas menunjukkan bahawa kedaulatan Islam di negeri-negeri, terutamanya disokong oleh fakta bahawa bidang kuasa undang-undang Islam adalah kuasa eksekutif negeri (Zaini Nasohah, 2004).

2.0 LATAR BELAKANG SEJARAH KESULTANAN SELANGOR (1766)

KESULTANAN Selangor bermula seawal tahun 1756 apabila ia berada di bawah pemerintahan Raja Lumu yang menjadi Yang Dipertuan Besar Selangor dan bergelar Sultan Salehuddin Shah (1). Biarpun berasal dari kalangan orang Bugis, kesultanan baginda diiktiraf oleh Sultan Perak pada pertengahan kurun ke-18 yang turut membawa kepada pembebasan negeri Selangor daripada kekuasaan kerajaan Johor (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor).

Pemerintahan Sultan Salehuddin berterusan sehingga tahun 1778 apabila baginda mangkat lalu digantikan oleh putera baginda, Raja Ibrahim Marhum Saleh yang kemudian bergelar **Sultan Ibrahim Shah (2).** Sepanjang pemerintahan Sultan Ibrahim Shah, Selangor menempuh pelbagai peristiwa antaranya, serangan tentera Belanda pada 13 Julai 1784 yang berjaya menawan kota Kuala Selangor. Berikut secara ringkas kesultanan negeri Selangor:

2.1 Sultan Ala'eddin Suleiman Shah (1898–1938):

Baginda merupakan seorang Raja yang amat mencintai ilmu agama, aktif menyertai majlis-majlis ilmu, mendirikan masjid, madrasah, dan sistem pondok di Selangor.

Nama baginda ialah Sultan Ala'eddin Suleiman Shah bin Raja Muda Musa bin Sultan Abdul Samad bin Raja Abdullah bin Sultan Ibrahim Shah bin Raja Lumu bin Upu Daeng Celak. Baginda dilahirkan pada 19 Rabi'ul Akhir 1282H bersamaan 11 September 1865. Baginda mangkat pada 30 Muharram 1357H bersamaan 31 Mac 1938. Sultan Ala'eddin Suleiman merupakan Sultan Selangor yang ke-5. Baginda memegang takhta pemerintahan negeri Selangor selama 40 tahun bermula pada tahun 1898 sehingga tahun 1938

Sultan Ala'eddin Suleiman Shah adalah antara pemimpin yang dikenali sebagai sultan yang mengasihi dan menghormati ulama. Hal ini jelas kelihatan pada hubungan baginda dengan Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi. Antara bukti hormatnya Sultan Ala'eddin Suleiman Shah kepada ulama adalah apabila baginda sultan melantik Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi menjadi Penasihat Agama Selangor. Setelah itu, Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi dilantik menjadi Syaikhul Islam Setia Diraja Selangor. Semua ini bermula apabila Sultan Suleiman Shah telah mendengar berkaitan keilmuwan Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi, baginda sendiri yang datang ke Jambi mengajak Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi supaya berpindah ke Selangor. Sejak daripada itu, setiap kali baginda sultan ke luar negara, pasti akan diiringi oleh Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi (Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor)

Antara yang menarik setelah selesai kerja pemulihan pada tahun 1990 kompleks istana ini telah digunakan sebagai tempat belajar sementara bagi pelajar-pelajar tahfiz kerajaan Negeri Selangor dengan nama Markaz Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Lil Banin Istana Sultan Alaeddin Bandar (MARTAH) dalam tempoh 3 tahun, bermula pertengahan Jun 1997. Pengkaji merupakan generasi ke-9 MARTAH (1998-1999) dan sempat berada di istana hampir 2 tahun. Namun pada penghujung tahun 1999, istana ini kembali dikosongkan selepas kompleks bangunan Markaz Tahfiz siap digunakan yang terletak berdekatan dengan istana.



Gambar 2: Kenangan pengkaji bergambar di Istana Sultan Alaeddin ketika belajar di Markaz Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Lil Banin Istana Sultan Alaeddin Bandar (MARTAH). Sumber: *Simpanan peribadi pengkaji.* **Gambar 3**: Pemandangan kompleks istama lama.

Sejarah institusi pendidikan Islam di Selangor bermula pada akhir abad yang ke-19. Menurut ***Frank W.Haines*** ,Inspektor Sekolah Selangor (1894) melaporkan bahawa terdapat tujuh belas (17) buah kelas al-Quran diwujudkan pada tahun berkenaan. Ketika itu, kelas-kelas ini di bawah kelolaan kerajaan negeri Selangor. Mata pelajaran seperti Ibadah, Tauhid dan Akhlak telah ditambah semasa pemerintahan Almarhum Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, Sultan Negeri Selangor ke-5 (1898-1938).

Di zaman baginda Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, sekolah-sekolah agama mendapat restu yang tidak berbelah bahagi daripada baginda sultan. Baginda Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah juga telah menubuhkan sebuah sekolah agama perempuan di Kampong Bandar di daerah Kuala Langat ketika era pemerintahan almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Almarhum Raja Abdullah (1857-1898). Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa merupakan Raja Muda ketika itu sebelum menaiki takhta selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad yang merupakan sultan pertama di Selangor yang diiktiraf oleh **Ruler in Council** pada 5 September 1879 (*Dokumentasi Arkib BPI JAIS).*

Semasa pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah juga , **Madrasah Awamiah** (1930) telah ditubuhkan di Kampung Sepintas, Sabak Bernam yang merupakan sekolah terulung di daerah Sabak Bernam. rentetan daripada perisiwa penubuhan sekolah agama rakyat berkenaan, ditubuhkan pula **Sekolah Agama Parit Baru** pada tahun 1933. Dalam tahun berkenaan juga, sebuah sekolah yang dinamakan **Madrasah Marta il Ulum al Diniah** telah ditubuhkan di Bandar Diraja Klang. **Madrasah Parit Lima Sungai Besar** (1937) telah ditubuhkan dan penubuhan madrasah itu merupakan titik tolak pendidikan Arab sepenuhnya apabila almarhum **al-Sayyid Abdul Azizi al-Syaimi al-Misri** telah membuat pembaharuan dengan menggalakkan pelajar-pelajar berbahasa Arab.

2.2 Sultan Hisamuddin Alam Shah (1938–1960)

Baginda meneruskan visi pembangunan Islam dengan menyokong pemerkasaan sekolah agama. Ketika pengunduran tentera Jepun (1946), bilangan sekolah agama semakin bertambah antaranya penubuhan **Madrasah Unwan al Saadah di Kanchong Darat , Banting Kuala Langat** (ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and

Civilization, 2019)
Pada tahun 1946, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan oleh Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, secara tidak lansung pengurusan sekolah-sekolah agama telah ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor.
Bermula daripada tahun 1946, pihak Jabatan Hal Ehwal Islam telah mula melantik guru-guru agama rendah yang ditugaskan di sekolah agama dari darjah satu hingga darjah lima. Pada tahun yang sama juga, **Madrasah Ahliah Othmaniah** untuk kaum wanita telah ditubuhkan di Klang yang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Othman. Madrasah tersebut merupakan sebuah sekolah Arab bagi kaum wanita. Tahun 1948 – 1953 menyaksikan penubuhan sekolah-sekolah rendah agama di daerah Kuala Langat antaranya **Sekolah Agama Kanchong Darat, Sekolah Agama Sungai Lang, Sekolah Agama Labohan Dagang dan Sekolah Agama Bukit Changgang**

Pada tahun 1952, setelah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor ditubuhkan, secara tidak lansung pengurusan sekolah-sekolah agama cuba ditingkatkan demi memartabatkan pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Tahun 1954 menyaksikan tertubuhnya beberapa buah sekolah agama dan Arab antaranya:
(a) Sekolah Arab di Sabak Bernam (asas penubuhan Maahad Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah)
(b) Sekolah Arab Kajang (dikenali Maahad Hamidiah Kajang).
(c) Sekolah Arab Putera Puteri Jeram.
(d) Sekolah Arab Batang Kali.
Pada tahun 1960, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan dua bentuk aliran persekolahan iaitu: (a) Sekolah Arab hingga Rabi` Thanawi. Kesemua mata pelajaran/pengantar bahasa dalam bahasa Arab. (b) Sekolah Agama darjah Khas. Pengantar bahasa menggunakan bahasa Melayu dan kitab-kitab jawi karangan ulama di ajar di samping mata pelajaran bahasa Arab (ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization, 2019)
Selain itu, Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) turut diasaskan pada tahun 1955 sebagai Kolej Islam Malaya, KISAS pada asalnya merupakan sebahagian daripada istana Sultan Alaeddin Suleiman Shah, yang dibina pada tahun 1930-an. Bangunan itu diwakafkan kepada kolej oleh putera dan penggantinya, Sultan Hisamuddin Alam Shah. Kolej ini dirasmikan oleh Sultan Selangor pada tahun 1955, dengan dihadiri oleh pembesar-pembesar dari seluruh Tanah Melayu dan Brunei. Misinya adalah untuk memodenkan pendidikan Islam dan menyatukan aliran pengajian Bahasa Arab di seluruh negara.
Pada tahun 1966, Kursus Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya berpindah ke bangunan baharu di Petaling Jaya manakala kursus persediaan kekal di tapak lama dan dinamakan semula sebagai Kolej Islam Klang (Hari Ini Dalam Sejarah oleh Arkib Negara Malaysia (1981).

2.3 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (1960–2001)

Baginda memberikan keutamaan kepada pembangunan fizikal dan rohani Islam, termasuk pembinaan Masjid Negeri di Shah Alam.
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang juga dikenali sebagai Masjid

Negeri Selangor merupakan salah satu lambang yang menyemarakkan keagungan agama Islam dan kedaulatan penganut Islam di Malaysia. Acara perasmiannya pada 11 Mac 1988, bersamaan dengan 23 Rejab 1408 Hijrah yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia, Sultan Selangor Darul Ehsan Sebagai Ketua Agama, DYMM Sultan telah mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW dengan mengilhamkan pembinaan masjid ini. Masjid Negeri Selangor, pada masa kini merupakan masjid yang terbesar di Malaysia..Dengan menggabungkan seni bina Islam dan Melayu, masjid ini terdiri daripada tiga tingkat. Bilik mesyuarat , bilik menyambut tamu dan bilik kuliah terletak di tingkat bawah dan dewan solat utama di tingkat satu.

Pada tahun 1967, Kolej Islam Klang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan menjadi sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan yang bernama Kolej Islam Kelang. Akhirnya pada tahun 1972, ia telah diangkat menjadi Sekolah Berasrama Penuh lengkap dengan pelbagai kemudahan sehingga ke hari ini. Pada tahun 1989, Kolej Islam Kelang telah ditukar nama kepada Kolej Islam Sultan Alam Shah oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah. Sehingga kini, bangunan bekas istana sultan tersebut masih dikekalkan. Pada tahun 2008 KISAS telah diberi penarafan Sekolah Kluster Kecemerlangan dan pada tahun 2010 KISAS telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort Pertama (Prospektus Kolej Islam Sultan Alam Shah).

2.4 DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (2001–Kini)

Baginda berterusan memodenkan pentadbiran Islam, memantapkan institusi Mahkamah Syariah, serta memperkemas pengurusan zakat dan wakaf. Baginda dilantik sebagai pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dari 10 Mac 2022 sehingga 9 Mac 2024 (Astro Awani, 7 Mac 2024). Antara tugas MKI ialah untuk memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja. Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri atas apa-apa perkara yang berhubungan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dengan tujuan untuk memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran (Peraturan 7(b) Peraturan Majlis Kebangasaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI). Menurut Peraturan 9 Peraturan MKI pula, apabila sesuatu pengesyoran dibuat oleh MKI kepada Majlis Raja-Raja dan Majlis Raja-raja bersetuju dengan pengesyoran itu, maka pihak Berkuasa Ugama Islam Negeri hendaklah melaksanakan pengesyoran itu dan tidak boleh meminda atau mengubahnya tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

3.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN DALAM MEMBANGUNKAN PROGRAM TAHFIZ AL-QURAN DI ISTANA SELANGOR

Program Pengajian Tahfiz Istana Alam Shah diwujudkan pada 2011 hasil ilham Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bagi melahirkan generasi huffaz cemerlang dalam bidang agama dan akademik. Berpusat di Istana Alam Shah, program itu menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif serta berdisiplin untuk membentuk sahsiah pelajar.



Pelajar Tahfiz Istana Alam Shah bersiap dan bergerak ke sekolah bagi mengikuti pembelajaran akademik.

Pengambilan pelajar dilakukan hanya setiap lima tahun sekali. Program ini memilih sekitar 10 remaja lelaki anak jati Selangor yang mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang serta sahsiah yang terpuji.
Modul Pembelajaran dijalankan dalam Dwi-Sistem:

- Hafazan Al-Quran: Dijalankan pada waktu malam dan selepas Subuh bertempat di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.
- Akademik: Sesi pembelajaran akademik formal pula diikuti oleh para pelajar di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian, Shah Alam.

Sejak mula diperkenalkan, program ini telah berjaya melahirkan beberapa kumpulan huffaz yang berdisiplin tinggi:

- Kumpulan Pertama (2011–2016): Melibatkan 12 orang pelajar.
- Kumpulan Kedua (2016–2020): Melibatkan 10 orang pelajar.
- Sesi Ketiga (2021–2025): Seramai sembilan orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian bagi sesi ini, di mana majlis penyampaian sijil tamat pengajian telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah pada Januari 2026.



Pengajaran Al-Quran dan Agama Islam bermula dari Istana. Ini dibuktikan dengan Sultan Selangor menzahirkan pemergian Allahyarham Tan Sri Hassan Azhari sebagai satu kehilangan besar kepada baginda. Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, Allahyarham pernah menjadi guru agama kepada baginda serta amat rapat dengan Alhmarhum paduka Ayahanda dan Nenda baginda. Allahyarham juga sering mengiringi beta dan kerabat ke Makkah bagi menunaikan haji dan umrah di samping kerap menyampaikan ceramah dan mengajar ilmu agama di Istana Selangor (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017)



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyiram air mawar di pusara Tan Sri Hassan Azhari di Makam Diraja Shah Alam, pagi tadi. - Foto Sairien Nafis

4.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN DALAM PEMERKASAAN INSTITUSI UTAMA MAIS DAN JAIS

Pentadbiran Islam di Selangor disokong oleh **Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** sebagai badan berkanun tertinggi dan pemegang amanah tunggal, serta **Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)** sebagai agensi eksekutif pelaksana dasar, penguatkuasaan, dan pengurusan sekolah agama. Pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) . **Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri inil hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini.'

Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan

semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen in" .

5.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN BERKAITAN ISU PENGURUSAN MASJID DI SELANGOR

Peranan dan kuasa Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam adalah sangat signifikan, terutama dalam pengurusan dan pembangunan masjid dan surau di negeri. Baginda mendapat nasihat daripada Majlis Agama Islam Selangor yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi masjid dan surau di negeri Selangor (Seksyen 96, EPAI Selangor). Selain itu, Sultan Selangor juga memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada inisiatif kemasyarakatan melalui masjid dan surau. Ini termasuk menyokong program-program sosial, penyampaian bantuan kemanusiaan, dan menjalankan projek-projek pembangunan komuniti yang memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Justeru, masjid dan surau di negeri bukan sahaja sebagai pusat ibadah bagi orang Islam, tetapi berfungsi juga sebagai tempat untuk membangun dan menyatukan masyarakat di bawah nilai-nilai keagamaan yang diterapkan. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management Vol. 3, No. 2, Dec 2023*

5.1 Keperluan Tauliah Pengajaran Agama di Masjid dan Surau

Tauliah, atau kebenaran mengajar agama, merujuk kepada keizinan yang diberikan oleh pihak berkuasa agama negeri kepada mana-mana individu yang mempunyai keperluan untuk menyampaikan ajaran agama atau menjalankan tugas tertentu yang mempunyai kaitan dengan masjid seperti menjadi imam, membaca khutbah, mengajar, memberi ceramah, bertindak sebagai jurunikah, dan lain-lain (Muhammad Helmi & Mohammad Husni, 2016). Pada masa kini, semua negeri telah menetapkan undang-undang yang mensyaratkan individu yang ingin memberikan ceramah atau menyampaikan ilmu di masjid dan surau untuk memperoleh sijil tauliah kelayakan mengajar agama daripada Majlis agama Islam negeri yang berkaitan

Sultan Selangor sangat mengambil berat dengan isu pentauliah dan sentiasa menegaskan bahawa individu yang berhasrat untuk menyampaikan ajaran agama di negeri Selangor wajib memperoleh tauliah daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk memastikan kebenaran dakwah dan mengelakkan penyebaran ajaran sesat (Sinar Harian, 2023).

Ahli politik di Selangor tidak lagi diberi kebenaran untuk mengadakan kuliah atau mengajar tentang Agama Islam di semua masjid dan surau di Selangor bagi mengelakkan hal menyentuh politik kepartian dan fitnah disebarkan melalui kaedah itu (Utusan Malaysia, 26 Ogos 2021). Hal itu dijelaskan Menteri Besar, **Datuk Seri Amirudin Shari** yang memaklumkan larangan itu diperkenan oleh Ahli Dewan Diraja Selangor dalam sidang Mesyuarat Dewan Diraja Selangor Mac 2019. Bagaimanapun, bagi ahli politik yang masih mempunyai tauliah perlu mematuhi beberapa syarat ditetapkan kepada mereka seperti tidak menyentuh isu-isu politik kepartian, mengaitkan individu tertentu dan menyebarkan fitnah.

Mana-mana ahli politik yang bertanding pada pilihanraya tahun 2018 dan 2019 yang memohon tauliah ini, permohonan mereka akan ditolak. Namun sekiranya tauliah mereka masih berkuatkuasa, mereka masih dibenarkan mengajar agama Islam sehingga tempoh tauliah mereka tamat,"

6.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN BERKAITAN ISU AHLI SUNNAH WAL JAMAAH SELANGOR

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*]. Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebagai fatwa dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.Antara fatwa berkaitan *ahli sunnah wal jama'ah:*

1. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merujuk kepada orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan agama yang benar dan diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat r.a melalui para ulama muktabar daripada generasi *salaf* dan *khalaf* sehingga ke hari ini.
2. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan jalan keselamatan dan perpaduan umat Islam yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW untuk umat Islam berpegang dengannya ketika berlaku fitnah perpecahan umat. Ia merupakan pegangan majoriti ulama dan umat Islam berdasarkan perkataan "*al-Jama'ah*" dan "*al-Sawad al-A'zam*" dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.
3. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* telah memainkan peranan penting dalam:

(a) pembangunan institusi pendidikan, pentadbiran Islam dan institusi kehakiman;

(b) pelaksanaan jihad, amar makruf dan nahi mungkar, dan

(c) perkembangan ilmu dalam setiap bidang ilmu Islam merangkumi akidah, fiqah, tasawuf, qiraat, tafsir, hadis, usul fiqh, ulum al-Quran, ulum hadis, bahasa dan kesusasteraan Arab.

4. Para ulama dan umara *Ahli Sunnah Wal Jamaah* juga memberi sumbangan yang besar bagi memelihara fahaman dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* sejak zaman dahulu sehingga hari ini.
5. *Ahli Sunnah Wal Jamaah* merupakan pegangan dan amalan agama yang telah diamalkan oleh para sultan, ulama, qadi dan rakyat jelata sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga hari ini.
6. Di Negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan ulama telah berpegang, mengamalkan dan menyebarkan pegangan dan amalan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* serta menjadikannya sebagai syiar agama.

Kerajaan Selangor memperkukuhkan kedudukan agama Islam menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2026 yang menetapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) sebagai pegangan rasmi pentadbiran hal ehwal Islam selain memperkasa institusi Mahkamah Syariah di negeri itu.

RUU berkenaan dibentangkan untuk bacaan kali kedua oleh Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi. Cadangan pindaan itu bertujuan memperkukuhkan kedudukan institusi agama Islam dan sistem kehakiman syariah di Selangor melalui dua perkara utama iaitu pegangan ASWJ dan kedudukan Mahkamah Syariah. "Yang pertama memperuntukkan dengan jelas bahawa agama Islam di negeri Selangor ialah mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana dianuti dan diamalkan di negeri ini mengikut definisi dan tafsiran khusus dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. "Bahagian kedua ialah mewujudkan satu bab baharu berhubung kehakiman syariah bagi memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah sebagai institusi kehakiman negeri," katanya ketika membentangkan RUU itu.

Selain itu, kerajaan negeri menguatkuasakan undang-undang dengan kerjasama pelbagai agensi berkepentingan serta melaksanakan proses pemulihan dan bimbingan kepada individu yang terlibat (Astro Awani, 08/07/2025)

Selangor perkukuh kedudukan Islam, Ahli Sunnah Waljamaah pegangan rasmi



7.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN DALAM ISU LIBERALISME & PLURALISME AGAMA

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama:

1. SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah **sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam**.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah

menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.

4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam

Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita baginda terhadap tuntutan golongan liberal, yang turut mendapat sokongan daripada segelintir pemimpin beragama Islam, sedangkan pemikiran liberal ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam sebenar (Harian Metro 12 Nov 2018)
Titah Sultan Sharafuddin Idris Shah, “baginda amat khuatir jika pemikiran itu tidak dibendung secara serius, ia mungkin akan menjadi satu jalan memudahkan musuh Islam menghancurkan agama Islam di negara ini selain dikhuatiri Allah SWT akan menurunkan malapetaka kepada semua”.
“Beta tidak mahu Selangor menjadi pusat penyebaran ideologi dan fahaman-fahaman sesat sebegini.“Beta mahu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memantapkan tindakan penguatkuasaan terhadap semua pihak yang didapati cuba menyebarkan sebarang bentuk fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam atau yang telah difatwakan sesat dan menyeleweng.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga menggesa Sisters In Islam (SIS) Forum (Malaysia) supaya tidak lagi menggunakan perkataan ‘Islam’ dalam sebarang bentuk penerbitan di mana-mana platform yang dikaitkan dengan pertubuhan tersebut. Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menegaskan penyalahgunaan istilah ‘Islam’ dalam nama dan kandungan penerbitan organisasi itu boleh mengelirukan masyarakat Islam. “Perkataan ‘Islam’ tidak sepatutnya digunakan sewenang-wenangnya bagi tujuan tertentu demi kepentingan pihak syarikat,” menurut kenyataan Selangor Royal Office di Facebook. Dalam kenyataan sama, Baginda juga menzahirkan rasa kecewa dan dukacita terhadap sebahagian keputusan Mahkamah Persekutuan yang memutuskan fatwa bertarikh 31 Julai 2014 tidak terpakai kepada SIS Forum, sebaliknya hanya kepada individu (Media Selangor 19 June 2025)



7.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN DALAM ISU AJARAN SESAT DI SELANGOR

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan pemantauan berterusan dilakukan agensi berkaitan bagi memastikan ajaran sesat yang dibanteras tidak dihidupkan semula.

Baginda juga bertitah agar gejala ajaran sesat dicegah dari peringkat awal supaya tidak terus berkembang dan merosakkan akidah umat Islam.

“Beta ingin mengingatkan umat Islam khususnya di Selangor supaya sentiasa memperkukuh iman dan akidah agar tidak mudah terpesong dengan sebarang ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. “Sebarang percanggahan daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dicegah daripada diamalkan di Selangor kerana ia akan membangkitkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam hingga membawa kepada perpecahan,” (YADIM, 27 Mac, 2025)

Kemunculan kumpulan-kumpulan ajaran sesat moden seperti fenomena GISBH (Global Ikhwan Services and Business Holdings), ajaran Millah Abraham, dan Ayah Pin. Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan pemantauan berterusan dilakukan agensi berkaitan bagi memastikan ajaran sesat yang dibanteras tidak dihidupkan semula. Baginda juga bertitah agar gejala ajaran sesat dicegah dari peringkat awal supaya tidak terus berkembang dan merosakkan akidah umat Islam.

"Beta ingin mengingatkan umat Islam khususnya di Selangor supaya sentiasa memperkukuh iman dan akidah agar tidak mudah terpesong dengan sebarang ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Astro Awani 26/03/2025)

Sultan Selangor turut bertitah sekiranya terdapat sebarang bentuk ajaran atau fahaman baharu yang mengelirukan, ia menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk merujuk kepada Mufti serta fatwa yang telah dikeluarkan selain melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk tujuan penguatkuasaan.

Selain itu, sebanyak 23 kes berhubung ajaran sesat juga dikesan dan diambil tindakan penguatkuasaan di negeri ini sejak 2019 hingga 2024. Antara ajaran sesat yang telah diambil tindakan di Selangor ialah Syiah, Millah Abraham, Hizbut Tahrir, Rasul Melayu dan Tuhan Harun. Kerajaan negeri mengawal penyebaran ajaran sesat melalui pendekatan intervensi yang merangkumi penjelasan, pendidikan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap ajaran yang dikenal pasti tersebar. Maklumat berkaitan turut disebarkan melalui bahan bercetak, media elektronik dan khutbah Jumaat bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

Sehingga kini, sebanyak 45 ajaran sesat telah difatwakan di negeri Selangor. Semua ini bisa terjadi disebabkan pegangan akidah yang tidak kuat dan kukuh. Segala dakyah dan ideologi sesat merebak hingga sebahagian dari mereka sudah terpesong jauh sejauh jauhnya!

Mutakhir ini, dua ajaran sesat muncul dengan doktrin-doktrin palsu Islam. Fahaman dan ajaran Ibu Yati dan Asmaul Husna oleh Dr.Wan Maseri jelas bertentangan

dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Malah, pendakwaan sebagai Imam Mahdi menjadi perkara yang paling digemari pengasas ajaran sesat. (Majlis Agama Islam Selangor)



DIRGAHAYU TUANKU

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) 28 MEI - 3 JUN 2026 mediaselangor.com

Waspada 31 ciri-ciri ajaran sesat

Jabatan Mufti Selangor menggariskan ciri-ciri khas yang menyimpang dari Islam bagi memudahkan usaha membanteras fahaman sesat di negeri ini. Antaranya ialah membayar zakat kepada ketua kumpulan dan memiliki keistimewaan memilik nasib seseorang tentang akhirat.

Untuk membendung ajaran tersebut daripada tersebar, penguatkuasaan akan dijalankan terhadap mana-mana kumpulan atau individu yang dikesan mengamalkan salah satu ciri-ciri tersebut.

Faktor cinta dan taasub pemimpin pula dikenal pasti antara punca umat Islam terjebak dalam fahaman sesat

MUKA 4&5

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama aktivis Global Sumud Flotilla 2.0 ketika Himpunan Solidariti Kepulangan Aktivis Sumud Flotilla 2.0 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang pada 24 Mei 2026. foto FIKRI YUSOF

8.0 PERANAN DAN CABARAN SULTAN DALAM MENANGANI PELBAGAI ISU SEMASA DI SELANGOR

8.1 Cabaran Dalam Mempertahankan Islam.

Institusi Diraja Selangor bukan sekadar suatu lambang kesinambungan sejarah, malahan ia merupakan pasak utama yang menjamin kestabilan sosiopolitik serta kesucian agama Islam di negerinya. Dalam kerangka Jurisprudens Watan, kedaulatan Raja Melayu bukanlah suatu konsep yang lahir daripada vakum politik, tetapi ia adalah manifestasi amanah daripada Allah SWT kepada pemerintah di muka bumi ini. Namun, mutakhir ini, keharmonian dan sistem perlembagaan ini cuba diganggu-gugat oleh kenyataan biadap daripada individu tertentu, yang secara terbuka mempersoalkan titah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.



Bagi memahami isu ini, kita perlu kembali kepada punca kuasa (source of authority) yang sah. Kedaulatan Sultan Selangor adalah berakar umbi dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang meletakkan baginda sebagai punca kuasa pemerintahan. Sebarang cubaan untuk meremehkan titah Baginda bukan sekadar satu pelanggaran etika politik, tetapi merupakan cabaran langsung terhadap keluhuran perlembagaan negeri yang mengiktiraf Sultan sebagai pemerintah yang berdaulat.

8.2 Isu Penternakan Babi Di Selangor

Isu penternakan babi di Selangor perlu dilihat dari lensa Keadaan Tempatan. Sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan berakar umbi daripada Kesultanan Melayu, setiap dasar mestilah mengambil kira adat, budaya, dan sensitiviti agama majoriti rakyat. Isu ini bukan sekadar masalah ekonomi atau perdagangan, tetapi melibatkan aspek kebersihan awam, kesihatan rakyat, kelestarian alam sekitar, dan ketenteraman sosial.

Titah Sultan untuk tidak membenarkan lagi penternakan babi merupakan manifestasi kecaknaan baginda terhadap maslahah rakyat secara menyeluruh. Baginda tidak menafikan hak bukan orang Islam untuk memakan daging babi, malah membenarkan import untuk memenuhi permintaan tersebut. Walau bagaimanapun, tragedi pada masa lalu membuktikan bahawa penternakan babi lebih mengundang mudarat yang lebih besar kepada negeri dan rakyat. Baginda bertindak sebagai penimbang adil yang memastikan kepentingan komersial kelompok kecil tidak mengatasi maslahah masyarakat yang lebih besar. Ini adalah keadilan hakiki yang merupakan tanggungjawab raja pemerintah, bukannya sekadar tunduk pada tekanan politik kelompok tertentu (Berita MAIS)



8.3 Sultan Selangor Tidak Perkenan Solat Jumaat Di Surau Pusat Beli-Belah

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak memberi perkenan untuk mana-mana surau atau musolla di pusat beli-belah di Selangor diberikan kebenaran mendirikan solat Jumaat buat masa ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Salehuddin Saidin berkata, ketetapan itu dibuat selaras dengan kuasa prerogatif Sultan Selangor dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam di negeri ini (Sinar Harian 08 Julai 2026)

Menurutnya, perkara berkaitan masjid dan surau adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, manakala penubuhan masjid, surau serta penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid atau surau turut tertakluk kepada kebenaran bertulis MAIS mengikut Seksyen 97 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Jika surau di pusat beli-belah dibenarkan mendirikan solat Jumaat, ia berpotensi menjejaskan usaha memakmurkan masjid dan surau solat Jumaat sedia ada kerana jemaah mempunyai pilihan lain untuk menunaikan solat Jumaat," katanya dalam kenyataan pada Rabu. Ketika ini terdapat 448 masjid dan 379 surau diberi kebenaran mendirikan solat Jumaat di Selangor dan jumlah itu disifatkan mencukupi untuk menampung keperluan umat Islam di negeri berkenaan.

8.4 Sultan Selangor Murka Dan Dukacita Terhadap Tindakan Anggota Parlimen Yang Didakwa Mencemarkan Kesucian Masjid.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah murka dan dukacita terhadap tindakan Anggota Parlimen yang didakwa mencemarkan kesucian Masjid An Nur Kampung Melayu Subang (Astro Awani 31/05/2017). Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengatakan bahawa perkara itu dimaklumkan kepadanya secara peribadi oleh baginda sendiri.

"Tuanku sebelum ini telah melahirkan rasa murka dan dukacita berhubung perkara itu menerusi Setiausaha Sulit baginda, dan hari ini baginda sekali lagi melahirkan rasa teramat murka (berhubung tindakan ahli parlimen) kepada saya pada majlis berbuka puasa"

Pihak JAIS telah memanggil nazir masjid berkenaan pada Jumaat lepas untuk memberi penjelasan berhubung kejadian itu dan telah menyembahkan laporan itu kepada baginda. Setelah meneliti laporan tersebut, Sultan Selangor menyifatkan tindakan nazir serta penganjur seolah-olah tidak menghormati titah baginda yang melarang ruang masjid digunakan untuk aktiviti politik. "Baginda Sultan turut menitahkan JAIS mengambil tindakan segera terhadap nazir serta pihak penganjur. "Kita meminta nazir berkenaan memberi surat tunjuk sebab dalam minggu ini juga mengapa beliau membenarkan Ahli Parlimen berucap di dalam masjid dan kita akan lihat tindakan bersesuaian yang boleh diambil sama ada amaran, gantung jawatan atau dipecat," katanya. (Astro Awani 31/05/2017).



8.5 Sultan Selangor Titah Orang Bukan Islam Tidak Campuri Urusan Hal Ehwal Islam

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan rakyat khususnya yang bukan beragama Islam agar menghormati dan tidak mencampuri urusan berkaitan hal

ehwal agama Islam di negara ini (My Metro Disember 29, 2023)
Sultan Sharafuddin selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bertitah demikian susulan cadangan Ahli Parlimen Beruas Datuk Ngeh Koo Ham supaya kerajaan melantik pakar daripada orang bukan Islam untuk membantu Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang Islam.
Menerusi hantaran Facebook Selangor Royal Office, Sultan Selangor turut bertitah bahawa MKI yang dipengerusikan baginda, memegang amanah dan tanggungjawab bagi melaksanakan segala hal ehwal berkaitan umat Islam.
MKI juga dianggotai oleh pakar-pakar yang arif dalam pelbagai bidang khususnya melibatkan undang-undang dan agama Islam. Malah, titah baginda penganut agama lain seharusnya mencontohi umat Islam yang tidak mencampuri hal ehwal agama lain di Malaysia. Baginda memetik ayat keenam Surah al-Kafirun daripada al-Quran yang bermaksud: "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

8.6 Sultan Titah Bukan Islam Tetap Dilarang Guna Kalimah Allah

Isu kalimah Allah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat berbilang agama di Malaysia apabila Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur sebagai penerbit majalah mingguan Kristian Katolik Malaysia iaitu The Herald memohon semakan kehakiman mencabar keputusan Menteri Dalam Negeri melarang penggunaan nama Allah dalam terbitannya. Majalah ini diterbitkan dalam empat bahasa iaitu Inggeris, Melayu, Cina dan India. Penggunaan kalimah Allah untuk merujuk kepada Tuhan digunakan dalam versi bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan penganut Katolik di Sabah dan Sarawak. Arahan larangan tersebut dikatakan sebagai salah dari sudut perundangan, tidak mengikut perlembagaan, tidak munasabah dan tidak sah. Mahkamah Tinggi dalam keputusannya pada 31 Disember 2009 memihak kepada pihak penerbit dengan membatalkan arahan menteri yang melarang penggunaan nama Allah dalam terbitan mereka.
Namun Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 2013 kemudiannya mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi atas alasan keputusan yang diberikan sebelum ini adalah salah dan seterusnya mengekalkan arahan pengharaman penggunaan nama Allah. Pihak penerbit memohon kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah tertinggi. Keputusan yang disampaikan oleh panel tujuh hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara memutuskan menolak permohonan tersebut dan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan (Bicara, Bil 1, Disember 2021, MAIS)
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah di mana golongan bukan Islam dilarang sama sekali menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan mereka (Media Selangor 23 Mac 2021).
"Beta menegaskan bahawa penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan apa-apa buku-buku dan tulisan-tulisan agama Kristian di dalam apa-apa bentuk sekalipun yang mengandungi kalimah Allah tetap dilarang sama sekali penggunaannya di Negeri Selangor," titah baginda.
Baginda bertitah kalimah Allah itu hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi pegangan akidah umat Islam.
"Kalimah Allah sama sekali tidak boleh diletakkan di tempat yang salah atau digunakan selain daripada maksud Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi asas pegangan akidah umat Islam," titah baginda lagi.
"Namun demikian sekiranya perkataan “Tuhan” digunakan sebagai terjemahan kepada perkataan “God”, Beta tiada halangan atas penggunaan perkataan “Tuhan”

tersebut."
Selain itu, Sultan Sharafuddin turut menyeru umat Islam menyekat penggunaan kalimah tersebut jika terdapat unsur penyalahgunaan atau penghinaan.
"Beta menegaskan adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam terutama di Negeri Selangor untuk menjaga kesucian kalimah Allah pada setiap masa dan dalam apa jua keadaan sekalipun."
Baginda juga menitahkan rakyat bukan beragama Islam sentiasa akur dan mematuhi larangan tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988.
Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah yang diwartakan pada 18 Februari 2010 secara jelas menegaskan bahawa Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan Undang-Undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
Seluruh agensi hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertarikh 23 Mac 2021 yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan apa-apa buku dan penulisan bagi agama Kristian di dalam Negeri Selangor, penggunaan kalimah Allah dalam apa-apa bentuk sekalipun oleh orang bukan Islam yang mengandungi kalimah Allah adalah dilarang sama sekali penggunaannya di Negeri Selangor.



9.0 PENUTUP

Institusi Kesultanan Selangor membuktikan bahawa peranan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam bukan sekadar satu simbol warisan tradisi, bahkan merupakan pasak kedaulatan, perlembagaan, dan pemelihara kemaslahatan ummah yang bersifat substantif. Berakar umbi sejak era pengasasan Kesultanan Selangor pada tahun 1766 dan diperkukuh menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, kedudukan baginda berdiri teguh sebagai punca kuasa (*source of authority*) dalam memelihara kesucian Islam dan membimbing tata kelola hal ehwal keagamaan di negeri ini.

Sejarah membuktikan kesinambungan komitmen para Sultan terdahulu daripada kecintaan Sultan Ala'eddin Suleiman Shah terhadap majlis ilmu dan pembangunan asas madrasah, penginstitusian MAIS dan pembinaan Kolej Islam Malaya oleh Sultan Hisamuddin Alam Shah, sehinggalah pemerkasaan mercu tanda fizikal dan rohani menerusi Masjid Negeri oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Legasi agung ini dipergiat dan dimodenkan secara berani oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Visi baginda dizahirkan secara seimbang merangkumi pembentukan sahsiah generasi al-Quran menerusi Program Tahfiz Istana Alam Shah, pemerkasaan badan berkanun MAIS dan agensi pelaksana JAIS, hinggalah kepada kepekaan baginda memimpin Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Dalam mendepani cabaran alaf moden yang rencam, ketegasan dan kebijaksanaan DYMM Sultan Selangor menjadi benteng yang melindungi akidah dan ketenteraman masyarakat. Pendirian tegas baginda dalam menangani penularan ajaran sesat, fahaman liberalisme dan pluralisme agama, kawalan tauliah mengajar bagi mengelakkan masjid dijadikan gelanggang politik kepartian, sehinggalah penetapan solat Jumaat demi menjaga syiar dan pemakmuran masjid kariah, mencerminkan prinsip Jurisprudens Watan dan keutamaan maqasid syariah (menolak mafsadah dan menarik maslahah). Begitu juga dalam isu-isu sensitif kemasyarakatan seperti penternakan babi, keputusan baginda meletakkan kesihatan awam, kelestarian alam, dan ketenteraman awam melebihi kepentingan kelompok komersial sempit.

Secara tuntasnya, kedaulatan Sultan Selangor sebagai payung agama adalah teras keharmonian watan yang wajib dipelihara dan dihormati oleh seluruh lapisan masyarakat serta kepimpinan politik. Mempertahankan punca kuasa dan keluhuran titah baginda bukan sekadar memenuhi tuntutan perundangan negeri, malah merupakan manifestasi ketaatan yang menjamin kestabilan sosioagama, kemurnian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta kesejahteraan rakyat jelata di negeri Selangor Darul Ehsan.

10.0 RUJUKAN

Agama Islam Selangor (MAIS). (2023). *Sejarah dan Latar Belakang Penubuhan MAIS*. Shah Alam: MAIS. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Perkara 3(2) & Jadual Ketujuh (Senarai II - Senarai Negeri).

Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management Vol. 3, No. 2, Dec 2023

ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 3(2) Sep 2019, 9-20.

Buyong Adil. (1981). *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 1 Tahun 2003).

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2023). *Khutbah Jumaat Khas: Penjaga Kemuliaan Islam*. Shah Alam: JAIS.

Kenyataan Akhbar Utusan Malaysia.

Kenyataan Akhbar Hmetro

Kenyataan Akhbar Bernama

Kenyataan Akhbar Awani

Media Selangor.

Muhammad Helmi b. Jalil, & Mohammad Husni b. Ali @ Buraidah. (2016). Menilai Isi Kandungan Ceramah: Kajian Kes Penceramah yang Ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *Jurnal Reflektika*, 12(12), 1–13.

Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Nasohah, Z. (2018). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Prospektus Kolej Islam Sultan Alam Shah.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM)